



**MAKLUMBALAS KEPADA CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
KAJIAN KEPUASAN BEKERJA WARGA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)
TAHUN 2013**

MAKLUMBALAS KEPADA CADANGAN PENAMBAIKAN KAJIAN KEPUASAN BEKERJA TAHUN 2013

Bil.	Cadangan Penambahbaikan / Isu	Maklumbalas
1.	Mesin pencetak dikongsi terlalu ramai. Tidak disenggara/rosak. Nisbah pencetak yang tidak mengikut standard.	<p>i) Nisbah pencetak:pegawai di Bahagian dan pejabat JANM Negeri/Cawangan adalah mencukupi dan tiada masalah setelah pengagihan pencetak dibuat mengikut keperluan Unit/pegawai. Sekiranya ada PC yang tidak ada pencetak PC berkenaan disambungkan ke pencetak 'heavy duty' bagi tujuan perkongsian.</p> <p>ii) Pengagihan pencetak di semua bahagian & pejabat JANM telah diselaraskan mengikut standard yang ditetapkan dalam DKICT dan perkongsian pencetak pengguna di luar bilik ialah nisbah 1:6. Penyelarasan ini telah mula dilakukan pada Okt 2013</p>
2.	Mesin fotostat sering rosak, perkhidmatan servis penyelenggaraan yang lambat, tidak diganti, dan kemudahan mesin fotostat yang terhad di mana tiada di setiap aras.	<p>Maklumbalas daripada Bahagian yang terlibat adalah seperti berikut:-</p> <p>i) <u>BPTM</u>: Bahagian telah menyediakan kemudahan sebanyak tiga (3) unit mesin penyalin bagi kegunaan warga BPTM. Dua (2) unit mesin penyalin medium duty berwarna dan hitam/ putih disediakan masing-masing di Bilik Gunasama Aras 6. Selain itu, terdapat satu (1) unit mesin penyalin heavy duty hitam/putih yang turut disediakan di Bilik Teknikal pada Aras 5. Setiap kerosakan yang berlaku telah dilaporkan dengan segera dan telah diselesaikan dengan segera oleh pihak pembekal mengikut tempoh masa penyelenggaraan seperti yang ditetapkan di dalam perjanjian.</p> <p>ii) <u>BPOPP</u>: Mesin fotostat yang disewa oleh BPOPP dan JANM Negeri/Cawangan adalah mencukupi dan mempunyai Kontrak serta diselenggara mengikut jadual. Permohonan dikemukakan mengikut keperluan.</p> <p>iii) <u>BPAD</u>: Telah mendapat mesin fotostat baru bagi setiap aras.</p> <p>iv) <u>PPPA</u>: Tiada masalah mesin fotostat –syarikat selenggara ikut jadual.</p> <p>v) <u>BPOPA</u>: Akan dapatkan mesin fotostat baru apabila kontrak tamat pada bulan September 2014.</p> <p>vi) <u>IPN</u>: Tiada masalah mesin fotostat.</p> <p>vii) <u>BPAS</u> : Tiada timbul masalah mesin fotostat sering rosak, perkhidmatan servis penyelenggaraan yang lambat, tidak diganti, dan kemudahan mesin fotostat yang terhad di mana tiada di setiap aras.</p> <p>viii) <u>BPPP</u>: Bahagian telah menyewa dua (2) buah mesin fotostat 'light duty', tiga (3) buah mesin fotostat 'medium duty' dan satu (1) buah mesin 'heavy duty' untuk kegunaan warga BPPP di setiap</p>

Bil.	Cadangan Penambahbaikan / Isu	Maklumbalas
		<p>aras iaitu Aras 8, Aras 7 dan Aras 6 JANM. Kontrak mesin fotostat bagi mesin-mesin ini baru diperbaharui pada bulan Ogos 2013 dan sehingga kini tidak timbul isu-isu kerosakan dan perkhidmatan servis yang lambat di BPPP.</p>
3.	<p>Kurang tempat letak kereta. Staf sokongan tidak dapat tuntutan bayaran balik <i>parking</i>.</p>	<p>i) Tempat letak kereta bagi kakitangan JANM disediakan kepada warga mengikut kuota bahagian. Bahagian yang akan mengagihkan petak letak kereta kepada kakitangan masing-masing. Masalah tempat letak kereta yang kurang/tidak mencukupi merupakan satu isu/masalah yang dihadapi oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi di Putrajaya dan bukan hanya berlaku di JANM sahaja.</p> <p>ii) Bahagian juga melaksanakan penggiliran tempat letak kereta bagi staf. Staf juga dibenarkan parking di tempat pegawai sekiranya pegawai bercuti. Selain itu, BPTM contohnya melaksanakan sistem eCPS bagi memberi ruang kepada semua stafnya untuk menggunakan tempat letak kereta.</p> <p>iii) Permohonan dikemukakan oleh JANM Negeri/ Cawangan bagi bayaran balik <i>parking</i> mengikut kelayakan berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.</p>
4.	<p>Taska tidak disediakan.</p>	<p>i) Taska sendiri tidak wajar sediakan kerana Taska gunasama telah disediakan di Kompleks Kerajaan.</p> <p>ii) Perbincangan dengan Pengurusan Bangunan yang tiada kemudahan taska juga telah dilakukan. Walaubagaimanapun tidak terdapat ruang pejabat untuk dijadikan taska.</p>
5.	<p>Amalkan pusingan kerja</p>	<p>i) Pusingan kerja secara dalaman di unit-unit oleh Bahagian dan JANM Negeri/ Cawangan telah dilaksanakan samada secara tahunan atau secara keseluruhannya.</p> <p>ii) Bagi Bahagian yang berdasarkan projek dan mempunyai timeline, pusingan kerja semasa projek dalam pembangunan dikhuatiri akan mengganggu kelancaran pelaksanaan projek. Contohnya PPPA dan BPTM. Walaubagaimanapun, ia akan dibuat sehingga pelaksanaan sesuatu projek itu selesai.</p>
6.	<p>Pembahagian kerja perlu lebih adil dan seimbang.</p>	<p>i) Kajian semula senarai tugas dibuat dan fail meja dikemaskini dari masa kesemasa mengikut kesesuaian serta pegawai yang terlibat di semua Bahagian dan pejabat JANM Negeri/Cawangan.</p> <p>ii) Fail Meja dikemaskini dan usaha berterusan dibuat bagi memastikan pembahagian kerja yang adil dan seimbang.</p>